

Bahagian 1



PENGLIBATAN PIHAK PENGURUSAN

Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam Inovasi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illalhi kerana dengan limpah dan kurnianya dapat juga kumpulan kami menyiapkan Laporan Projek KIK pada tahun ini. Tahun ini, merupakan tahun kedua kumpulan kami menyertai Kumpulan Kreatif dan Kreatif peringkat Jabatan dan Kementerian. Dengan sedikit pengalaman yang diperolehi dan bantuan daripada pelbagai pihak, dapat juga kami mempersembahkan hasil kerja kumpulan kami ini. Pelbagai rintangan dan halangan terpaksa diharungi untuk menyiapkan laporan ini. Sekalung tahniah diucapkan kepada semua ahli kumpulan Al-Isra atas kerjasama dan komitmen yang tinggi diberikan walaupun sibuk dengan tugas hakiki masing-masing.



Sesungguhnya kejayaan ini tidak dapat dikecapi tanpa penglibatan daripada pihak pengurusan. Jutaan terima kasih diucapkan kepada YDH CP Dato' Sri Zulkifli Abdullah, Ketua Pengarah AADK dan Ybhg. Dato' Dr. Abdul Halim bin Mohd Hussin, mantan Ketua Pengarah AADK kerana memberikan dorongan dan sokongan kumpulan kami menjalankan projek ini. Tidak lupa kepada Bahagian Dasar dan Penyelidikan, AADK Ibupejabat dan penceramah En.Rashid bin Kanchil kerana menyediakan kursus untuk menyediakan laporan ini. Jutaan terima kasih juga kepada Ybhg. Dato' Abdullah bin Abu Bakar, Pengerusi Ahli Lembaga Pelawat serta Ahli Lembaga di atas usaha memartabatkan Program Isra' di CCRC Sungai Ruan ini. Ucapan terima kasih juga kepada Pengarah CCRC Sungai Ruan, Tn.Mohd Rizal bin Tawil kerana memberikan sokongan yang tinggi terhadap kumpulan ini samada dari segi sumber kewangan, sumber manusia, insentif dan penghargaan serta peralatan yang telah digunakan sepanjang menjalankan projek ini. Tidak lupa kepada Timb.Pengarah, Tn.Mohd Hadith bin Kamaruddin dan juga Tn.Asmawi bin Abdul Rahman kerana sentiasa berdamping dengan ahli kumpulan dan memberikan lontaran idea dan cadangan serta rakan sekerja dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam projek ini.

Jutaan terima kasih kepada pihak pengurusan CCRC Sungai Ruan kerana memberi kelulusan kepada kumpulan untuk menjalankan projek ini. Terima kasih tidak terhingga juga di atas sokongan pihak pengurusan dalam membantu kumpulan untuk mengembangkan projek ini ke peringkat dalaman dan ke beberapa buah CCRC di seluruh Malaysia sehingga ia telah dikenali oleh semua Warga AADK seluruh negara.



Logo Kumpulan Al-Isra diambil sempena latarbelakang projek iaitu Model Isra. Logo berbentuk Islamik digunakan sesuai dengan pelaksanaan projek berbentuk Psikospiritual


Bahagian 2



SIGNIFIKASI PROJEK & PEMBUKTIAN

a. Kaitan Projek dengan Fungsi Utama Jabatan

Berdasarkan laporan Statistik yang dikeluarkan oleh AADK, bilangan penagih samada penagih baru ataupun berulang menunjukkan trend meningkat. Situasi ini sememangnya membimbangkan semua pihak disegenap lapisan masyarakat.



Sumber : Laporan Tahunan AADK 2016


Bagi memastikan **Visi** AADK tercapai, pelbagai kaedah telah dilaksanakan dalam menambah baik perkhidmatan merawat dan memulih penagih dadah. AADK sentiasa mencari kaedah yang sesuai yang boleh digunakan dalam memastikan penagih dadah ini dapat dipulihkan seterusnya menurunkan kadar penagih dadah dan mencapai **Misi** untuk mewujudkan masyarakat yang selamat dan sejahtera tanpa dadah di negara ini.

Didalam bidang **keberhasilan** AADK, jelas menunjukkan komitmen Agensi untuk mengurangkan kadar penagih baru dan berulang. Pelbagai usaha dan langkah yang telah dilakukan antaranya **menambahbaik program rawatan dan pemulihan sedia ada mengikut keperluan semasa**.



b. Pelaksanaan Projek Mengikut kehendak pelanggan dan stakeholder

Sudah tiba masanya pendekatan alternatif dilaksanakan di dalam program rawatan dan pemulihan dadah di negara ini. Ini kerana, majoriti penagih di negara ini adalah beragama Islam. Oleh itu, pendekatan berteraskan keagamaan dilihat mampu mengembalikan kefungsi klien sebagai hamba Allah yang bertakwa.



Sumber : Laporan Tahunan AADK 2016

Sejak awal penubuhan pusat pemulihan pelbagai pendekatan telah digunakan dalam memulihkan penagih dadah bermula dari *Tough and Rugged*, Program Rawatan Terapi Gantian (RTG) dan Program Psikososial namun masih tidak menunjukkan hasil yang ketara. Pendekatan keagamaan dalam pemulihan dadah perlu ditekankan dalam program ini bagi mengisi kekosongan jiwa klien. Firman Allah :

إِنَّ الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ لَا يَهْدِيهِمُ اللَّهُ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ

Sesungguhnya orang-orang yang tidak beriman kepada ayat-ayat Allah (Al Quran), Allah tidak akan memberi petunjuk kepada mereka dan bagi mereka azab yang pedih. (Surah An-Nahl-Ayat 104)

Masalah penagihan dadah bukanlah satu isu yang melibatkan isu fizikal semata – mata malahan ianya juga melibatkan penyakit rohani. Sehubungan dengan itu, penggunaan ubat-ubatan sebagai langkah rawatan bukanlah satu cara yang berkesan melainkan menggunakan pendekatan rohani dalam merawat ketagihan. Konsep ini juga bertepatan dengan fitrah asal kejadian manusia kerana ianya adalah satu kaedah perawatan yang dianugerahkan oleh Allah, Tuhan yang mencipta seluruh makhluk.

Kehendak Stakeholder



Klien- Dapat mengekalkan kepulihan lebih lama dan berfungsi seperti manusia normal dan beramal soleh



Keluarga-Dapat berbakti kepada keluarga serta tidak membebankan mereka dengan masalah dadah



Masyarakat-Mengurangkan kebimbangan masyarakat terhadap masalah dadah di dalam komuniti mereka



Majikan-Keyakinan majikan terhadap bekas penagih dadah dalam melakukan pekerjaan meningkat

c. Seajar dengan Agenda dan matlamat Nasional

Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam Dalam Pentadbiran menggariskan dalam usaha untuk memelihara maruah warganegara Malaysia, maka perlulah ia mempunyai satu identiti yang kukuh. Dalam konteks ini, unsur yang terpenting sekali dalam pembentukan identiti Warganegara Malaysia ialah nilai. Ia merupakan satu faktor utama yang boleh memastikan kelahiran sesebuah masyarakat yang disegani. Oleh itu, sebagai pegawai Kerajaan yang bertanggungjawab melaksanakan program rawatan dan pemulihan dadah di negara ini komited menerapkan nilai-nilai Islam seterusnya mencapai objektif dasar membentuk sebuah masyarakat yang bermaruah, beridentiti kukuh dan disegani oleh masyarakat lain

Transformasi Nasional 2050 (TN50) bagi memastikan pelan pembangunan Malaysia selepas tahun 2020 dicorakkan berdasarkan hasrat dan kehendak sebenar masyarakat. Kerajaan tidak lagi mahu mengamalkan pendekatan '*government knows best*' sebaliknya inginkan penyertaan semua lapisan rakyat untuk menyumbang ke arah pembentukan pelan TN50 itu. Oleh itu, keperluan dalam pengisian jiwa dan kerohanian dikalangan penagih dadah dilihat satu kehendak daripada masyarakat untuk membentuk masyarakat yang kental jiwa dan rohani mereka.

Ia selari dengan **Dasar Dadah Negara** untuk mewujudkan negara Malaysia yang bebas dari ancaman gejala dadah bagi menjamin kesejahteraan hidup masyarakat dan mengekalkan kestabilan dan ketahanan nasional melalui strategi Penguatkuasaan undang-undang, Pencegahan, Pendidikan dan Publisiti, Rawatan & Pemulihan, Kerjasama Antarabangsa seterusnya mencapai matlamat **Dasar Pembangunan Nasional (DPN)** untuk membangunkan sebuah masyarakat yang progresif di mana semua rakyat menikmati kesejahteraan hidup yang tinggi di samping mempunyai nilai-nilai sosial dan kerohanian yang positif serta menghayati perasaan bangga dan cintakan negara.

Projek ini juga sangat signifikan dengan konsep **CTI-PCI** yang mahukan kefahaman klien terhadap Agama Islam dengan **cepat**, masa pelaksanaan yang **tepat** dan **integriti** dengan layanan kemanusiaan dan profesional kakitangan diterapkan dalam proses pemulihan klien. **Produktiviti** meningkat dengan kualiti klien yang dilahirkan, pendekatan **kreatif** yang sesuai untuk pemulihan fizikal dan kerohanian serta **inovasi** dalam rawatan dan pemulihan dengan menyediakan pelbagai elemen sokongan termasuk psikospiritual dan psikososial.



d. Kaitan dengan keadaan dan Ekosistem Semasa

Aliran pemikiran masyarakat telah banyak memesonkan akidah manusia seperti wujudnya fahaman liberalisme, *free thinker*, tidak percaya tuhan, perjuangan menuntut hak, kebebasan melakukan apa sahaja, serta meletakkan akal mengatasi syariat. Kesan daripada itu maka wujudlah masalah sosial seperti penagihan dadah, seks bebas, jenayah dan sebagainya akibat daripada tiada pegangan agama dan keterbatasan dalam melakukan sesuatu perkara.

Menurut Profesor. Madya Dr Mohd Rushdan, Pengarah Acreda (USIM) memberitahu bahawa kaedah terapi psikospiritual Islam mampu menjadi kaedah pencegahan yang lebih baik daripada merawat ketagihan dadah kerana ia berlandaskan konsep pengabdian dan penyerahan kepada Tuhan.

Di AADK, komitmen kami dalam memberikan perkhidmatan terbaik adalah menjadi keutamaan. Setelah pelbagai usaha dan kaedah telah dilakukan untuk merawat dan memulihkan penagih namun, masih banyak ruang yang boleh diperbaiki. Pendekatan kerohanian dilihat mampu memberikan kesan yang lebih baik. Ia adalah sejajar ajaran Agama Islam yang menyeru untuk kembali kepada Al-Quran dan Sunah. Firman Allah SWT :-

الرَّحْمَنُ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ لِتُخْرِجَ النَّاسَ مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ بِإِذْنِ رَبِّهِمْ إِلَى صِرَاطٍ الْعَزِيزِ الْحَمِيدِ

Alif, Laam, Ra'. Ini ialah Kitab (Al-Quran) Kami turunkan dia kepadamu (wahai Muhammad), supaya engkau mengeluarkan umat manusia seluruhnya dari gelap-gelita kufur kepada cahaya iman - dengan izin Tuhan mereka - ke jalan Allah Yang Maha Kuasa lagi Maha Terpuji. (SURAH IBRAHIM-Ayat 1)

Ayat ini menjelaskan bahawa Kitab yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW yang dimaksud ialah Al-Qur'an yang merupakan Kitab yang paling mulia, yang diturunkan Allah SWT dari langit kepada rasul yang paling mulia. Allah telah mengutusnyanya di bumi ini kepada semua umat manusia supaya baginda mengeluarkan manusia dari kesesatan menuju jalan petunjuk dan kebenaran. Proses pemulihan dadah dengan membelakangkan ayat-ayat Allah tidak akan mendapat hidayah daripada Allah SWT sebagaimana Allah SWT berfirman:-

وَمَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَمَا لَهُ مِنْ مُضِلٍّ ۗ أَلَيْسَ اللَّهُ بِعَزِيزٍ ذِي انْتِقَامٍ

Dan barangsiapa yang diberi petunjuk oleh Allah, maka tidak seorangpun yang dapat menyesatkannya. Bukankah Allah Maha Perkasa lagi mempunyai (kekuasaan untuk) mengazab?



STRATEGI
DASAR
DADAH
NEGARA

Penguatkuasaan
Undang-Undang

Pencegahan,
Pendidikan
dan Publisiti

Kerjasama
Antarabangsa

Strategi
Rawatan dan
Pemulihan

Menggalakkan pembangunan
program **RAWATAN DAN
PEMULIHAN ALTERNATIF**
melibatkan pusat pemulihan
dadah persendirian dan klinik
perubatan swasta.



e. Kaedah Pemilihan Projek dan Analisis

SMART

Kumpulan telah mengenalpasti beberapa elemen di dalam program rawatan dan pemulihan yang perlu diberi penekanan di CCRC Sungai Ruan iaitu :

1. ➡ Program Terapi Komuniti
2. ➡ Program Psikososial
3. ➡ Kemahiran Vokasional
4. ➡ Agama dan Kerohanian
5. ➡ Disiplin dan Fizikal


Analisis Data Matrik										
Pengetahuan	Kefahaman	Kemahiran	Jumlah	Program Rawatan dan Pemulihan CCRC Sungai Ruan	Specific	Measureable	Attainable	Realistic	Timely	Jumlah
3	2	1	6	Terapi Komuniti	2	1	2	1	2	8
2	1	2	5	Psikososial	2	1	2	2	1	8
2	2	2	6	Kemahiran vokasional	3	2	3	3	2	13
3	2	3	8	Agama dan Kerohanian	3	3	2	3	3	14
1	2	2	5	Disiplin dan Fizikal	2	2	2	3	2	11

Hasil daripada analisa, didapati **Program Agama dan Kerohanian** mendapat skor yang tertinggi untuk dilaksanakan. Oleh itu, kumpulan bersetuju untuk memilih isu penekanan terhadap Agama dan kerohanian di dalam program rawatan dan pemulihan penagih dadah di CCRC Sungai Ruan.

Pengumpulan dan Analisis Data Utama Projek

DATA 1 : Jadual Aktiviti Harian Klien

Berdasarkan daripada Jadual Aktiviti Harian Klien didapati komposisi program Psikososial adalah yang tertinggi iaitu 30%, manakala Terapi Komuniti 26%, Agama dan Kerohanian sebanyak **16%**, Disiplin dan Fizikal sebanyak 15% dan Kemahiran Vokasional sebanyak 13%. Ini menunjukkan aspek Keagamaan dan Kerohanian dalam program rawatan dan pemulihan kurang diberi penekanan di CCRC Sungai Ruan.



Komposisi Program Rawatan dan Pemulihan di PUSPEN Sungai Ruan

Masa	Aktiviti	Masa	Aktiviti
5.30 Pagi	Bangun Pagi	2.00 Petang	• Rehat
6.00 Pagi	Solat Subuh	2.45 Petang	• Roll Call (pertukaran Syif)
7.30 Pagi	• Minum Pagi & Pra Mesyuarat Pagi	3.00 Petang	• Kelas Psiko Pendidikan
8.00 Pagi	• Muster Perdana		• Job Function
9.30 Pagi	• Mesyuarat Pagi		• Bimbingan & Kaunseling
10.00 Pagi	• Minum Pagi	4.00 Petang	• Solat Asar
10.30 Pagi	• Latihan Kawad (Asrama&posisi)	5.00 Petang	• Sukan Dan Riadah
	• Kelas Psiko Pendidikan	6.00 Petang	• Muster Petang
	• Job Function		• Makan Malam
	• Bimbingan & Kaunseling	7.00 Malam	• Solat Maghrib
	• Sukan (Rabu)		• Kuliah Agama (fardhu ain)
	• Lawatan Keluarga (Selasa&khamis)		
12.00 Tengahari	• Muster Tengahari	8.30 Malam	• Solat Isyak
	• Makan Tengahari	9.30 Malam	• Rehat
1.00 Petang	• Solat Zuhur	11.00 Malam	• Roll Call & Tidur

DATA 2 : Penilaian Asas Agama Islam

Seramai 96 orang klien telah diuji dengan menggunakan set soalan yang ditetapkan bagi menguji tahap kefahaman klien dalam Asas Agama Islam. Hasil daripada ujian tersebut, didapati seramai 46% klien lemah, 30% sederhana dan **24%** baik dalam ujian tersebut.


BIL	SOALAN	LEMAH (1-3)	SEDERHANA (4-7)	BAIK (8-10)	JUMLAH
1	Fatihah dan Syahadah	27	52	17	96
2	Islam, Iman dan Ehsan	45	25	26	96
3	Wudhuk	22	17	57	96
4	Mandi Wajib	54	28	14	96
5	Bacaan dalam solat	51	31	14	96
6	Doa Masnun	64	21	11	96
JUMLAH		263	174	139	576
PERATUSAN		46%	30%	24%	100.00

DATA 3 : Ujian Penilaian Kemajuan Klien

Ujian Penilaian Kemajuan Klien (UPKK) dijalankan kepada klien memasuki fasa Pra-Bebas. Seramai 96 orang klien telah diambil sebagai sampel untuk mengukur tahap pencapaian di dalam ujian berkenaan dan mendapati hanya **27%** sahaja mencapai tahap Skor (Baik).

Masa	Perkara	Baik	Sederhana	Gagal
Sebelum	Psikospiritual	18	53	25
	Psikososial	41	38	17
	Amali Psikospiritual	18	53	25
	Jumlah	77	144	67
	%	27%	50%	23%

Analisis Ujian Penilaian Kefahaman Klien (UPKK)




DATA 4 : Kepuasan Pelanggan

Satu soal selidik telah dijalankan bagi mendapatkan respon tahap kepuasan hati pelanggan terhadap program rawatan dan pemulihan yang disediakan. Berdasarkan kepada soal selidik kepuasan pelanggan menunjukkan kadar puas hati pelanggan hanya **42%** sahaja.


Perkara	Jatidiri	Agama	Kepulihan	Jumlah	Peratus%
Sangat Puas Hati	16	12	13	41	14
Puas Hati	23	35	22	80	28
Tidak Pasti	46	34	26	106	37
Tidak Puas Hati	7	14	32	53	18
Sangat Tidak Puas Hati	4	1	3	8	3

Analisis Kajian Kepuasan Pelanggan



f. Pernyataan Sasaran Outcome dan Impak

Data 1



Sasaran Penyelesaian Projek Untuk meningkatkan skor kekerapan program keagamaan sebanyak 50%


Skor Kekerapan Semasa : 16%

Peningkatan Program Agama : 50 - 16 = 34 %

Sasaran Objektif : 16% + 34% = **50%**

Impak 1
Masa klien dipenuhi dengan aktiviti keagamaan

Data 3




Sasaran Penyelesaian Projek Untuk meningkatkan Tahap Pencapaian dalam UPKK sebanyak 60%

Skor Pencapaian Semasa : 27%

Peningkatan Pencapaian UPKK : 60 - 27 = 33 %

Sasaran Objektif : 27% + 33% = **60%**

Data 2



Sasaran Penyelesaian Projek Untuk meningkatkan Skor (Baik) klien sebanyak 60%

Kekerapan Semasa : 24%


Peningkatan Kefahaman dalam Asas Agama Islam Klien : 70 - 24 = 46 %

Sasaran Objektif : 24% + 46% = **60%**

Impak 3
Prestasi UPKK klien meningkat

Impak 4
Klien dan ibubapa berpuas hati dengan program yang disediakan

Data 4



Sasaran Penyelesaian Projek Untuk meningkatkan Tahap kepuasan pelanggan sebanyak 80%

Skor Kekerapan Semasa : 42%

Peningkatan Kepuasan Pelanggan : 80 - 42 = 38 %

Sasaran Objektif : 42% + 38% = **80%**

Bahagian 3



TINDAKAN PENYELESAIAN


a. Strategi Penyelesaian Kreatif

Kumpulan telah menggunakan **5 kriteria** dalam strategi penyelesaian ini. Kumpulan **Kreatif** dalam mencari kaedah yang sesuai dan perlu dalam merawat penagihan dadah iaitu Agama dan Kerohanian dikenali sebagai **MODEL ISRA**. Kumpulan **Inovatif** dengan menggabungkan modul Psikososial dengan Psikospiritual agar ia sejajar dengan Polisi AADK. Kumpulan juga yakin terhadap **impak positif** dalam pelaksanaan projek ini dan memberi pulangan nilai kepada stakeholder. Seterusnya **replikasi** projek dapat digunakan ke seluruh CCRC di Malaysia dan berusaha menambahbaik kearah **pengkomersialan** projek agar ia dapat dimanfaatkan oleh semua jabatan berkaitan pemulihan dadah di negara ini.


Proses pembangunan model Isra



Di dalam merangka kaedah penyelesaian terhadap projek ini, kumpulan telah menggunakan beberapa kaedah antaranya dengan menggunakan kaedah Design Thinking dan Blue Ocean Strategy (BOS).



Melalui Design Thinking, kumpulan sedar (**Empati**) bahawa pengisian jiwa dan rohani di dalam proses rawatan dan pemulihan dadah sebelum ini tidak diitiberatkan. Ini dapat dijelaskan melalui kaedah **4M1E** yang ditunjukkan dibawah.



Hal ini dapat kenalpasti (**Define**) melalui pemerhatian dan soal selidik ke atas klien baharu yang mengakui tidak mengamalkan cara hidup islam yang sebenar menyebabkan mereka hanyut dalam keseronokan didunia sendiri. Dengan menggunakan kaedah **5W1H** ia dapat mengenalpasti peluang-peluang penambahbaikan terhadap program rawatan dan pemulihan dadah sedia ada.



Oleh itu, timbulnya idea (**Ideate**) untuk menerapkan program dengan menggunakan pendekatan keagamaan sebagai asas dalam rawatan dan pemulihan dadah. Ia adalah berteraskan undang-undang syariah iaitu melakukan kebaikan dan meninggalkan laranganNya. Rawatan model ini diasaskan daripada model Inabah yang diistilahkan dalam **Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah (TQN)** sebagai tazkiyatun nafsi atau pembersihan jiwa dari berbagai penyakit atau kotoran hati dan pemantapan akidah seseorang di dalam menjauhi penagihan dadah dan seterusnya kembali kepada fitrah insani. Kaedah **SCAMPER** digunakan untuk menjana Idea ini.

Model Islamic Spiritual Rehabilitation Approach (ISRA)



S	Substitute	Menggantikan kaedah rawatan yang mesra klien dan layanan bersifat nilai-nilai kemanusiaan
C	Combine	Menggabungkan Model Psikososial & Psikospiritual
A	Adapt	Adaptasi dari Pondok Remaja Inabah 1Malaysia Kuala Nerang, Kedah dan Pondok Pesantren Suryalaya, Tasek Malaya, Indonesia.
M	Modify	Model Inabah diubahsuai kepada Model Isra berdasarkan keperluan Institusi & Perundangan
P	Put to other use	Elemen keagamaan didalam model Psikososial & Persekitaran Institusi lebih Islamik
E	Eliminate	Menghapuskan Kaedah Rawatan Tough & Rugged
R	Re-Arranged	Penyusunan Semula Jadual Aktiviti Klien mengikut keperluan psikososial dan Psikospiritual

b. Penghasilan dan Pengujian Prototype Pelan Tindakan Penyelesaian

Kumpulan telah memperkenalkan Model Isra (**Prototype**) iaitu gabungan Modul Tazkiyah al-Nafs dan Modul Psikososial dengan menggunakan strategi pelaksanaan melalui terapi komuniti, psikopendidikan, halaqah dan 7 Langkah Kepulihan yang dilihat mampu memberi kesan positif terhadap proses rawatan dan pemulihan dadah kepada klien.

Modul Teras Tazkiyah Al-Nafs

GAMBAR	APA?	SIAPA ?	BILA ?	DIMANA ?	BERAPA ORANG ?																																
	MUSYAHADAH Musyahadah adalah peringatan pengarah dihadapan klien agar mereka mengamal dan mengerjakan segala amalan yang diajarkan sepanjang tempoh rawatan	Klien baru mendaftar	Selepas Proses Detoksifikasi	Masjid Saidina Umar Al-Khattab, CCRC Sungai Ruan	15-20 orang (Bergantung kepada kemasukan klien).																																
	TERAPI MANDI رَبِّ أَنْزِلْنِي مُنْزَلًا مُبَارَكًا وَأَنْتَ خَيْرُ الْمُنْزِلِينَ "Ya Tuhanku tempatkanlah daku pada tempat yang diberkati dan Engkau lah sebaik-baik yang memberi tempat" (Al-Mu'minuun : 29) Dilakukan setiap pagi sebelum melakukan Qiamullail.Mandi ini dilakukan dengan bacaan doa seperti di atas	Semua Klien Muslim	Sebelum Melakukan Qiamulail (Setiap pagi)	Asrama	150 orang klien (Bergantung kepada muster semasa)																																
	SOLAT WAJIB DAN SUNAT <table><tr><td>1.SOLAT SUNAT HAJAT</td><td>2 RAKAAT</td><td>9.TAHYATUL MASJID</td><td>8 RAKAAT</td></tr><tr><td>2.SOLAT SUNAT TAHAJJUD</td><td>12 RAKAAT</td><td>10.SOLAT ZOHOR</td><td>4 RAKAAT</td></tr><tr><td>3.SOLAT SUBUH</td><td>2 RAKAAT</td><td>11.SOLAT ASAR</td><td>4 RAKAAT</td></tr><tr><td>4.SOLAT SUNAT ISRAQ</td><td>2 RAKAAT</td><td>12.SOLAT MAGHRIB</td><td>3 RAKAAT</td></tr><tr><td>5.SOLAT SUNAT ISTIADAH</td><td>2 RAKAAT</td><td>13.SOLAT ISYA</td><td>4 RAKAAT</td></tr><tr><td>6.SOLAT SUNAT ISTIKHARAH</td><td>2 RAKAAT</td><td>14.SOLAT TAUBAT</td><td>2 RAKAAT</td></tr><tr><td>7.SOLAT SUNAT DHUHA</td><td>4 RAKAAT</td><td>15.SOLAT WITIR</td><td>3 RAKAAT</td></tr><tr><td>8.SOLAT SUNAT RAWATIB</td><td>16 RAKAAT</td><td>JUMLAH PURATA</td><td>70 RAKAAT</td></tr></table>	1.SOLAT SUNAT HAJAT	2 RAKAAT	9.TAHYATUL MASJID	8 RAKAAT	2.SOLAT SUNAT TAHAJJUD	12 RAKAAT	10.SOLAT ZOHOR	4 RAKAAT	3.SOLAT SUBUH	2 RAKAAT	11.SOLAT ASAR	4 RAKAAT	4.SOLAT SUNAT ISRAQ	2 RAKAAT	12.SOLAT MAGHRIB	3 RAKAAT	5.SOLAT SUNAT ISTIADAH	2 RAKAAT	13.SOLAT ISYA	4 RAKAAT	6.SOLAT SUNAT ISTIKHARAH	2 RAKAAT	14.SOLAT TAUBAT	2 RAKAAT	7.SOLAT SUNAT DHUHA	4 RAKAAT	15.SOLAT WITIR	3 RAKAAT	8.SOLAT SUNAT RAWATIB	16 RAKAAT	JUMLAH PURATA	70 RAKAAT	Semua Klien Muslim	Sepanjang Masa Mengikut jadual yang ditetapkan	Masjid Saidina Umar Al-Khattab, CCRC Sungai Ruan	150 orang klien (Bergantung kepada muster semasa)
1.SOLAT SUNAT HAJAT	2 RAKAAT	9.TAHYATUL MASJID	8 RAKAAT																																		
2.SOLAT SUNAT TAHAJJUD	12 RAKAAT	10.SOLAT ZOHOR	4 RAKAAT																																		
3.SOLAT SUBUH	2 RAKAAT	11.SOLAT ASAR	4 RAKAAT																																		
4.SOLAT SUNAT ISRAQ	2 RAKAAT	12.SOLAT MAGHRIB	3 RAKAAT																																		
5.SOLAT SUNAT ISTIADAH	2 RAKAAT	13.SOLAT ISYA	4 RAKAAT																																		
6.SOLAT SUNAT ISTIKHARAH	2 RAKAAT	14.SOLAT TAUBAT	2 RAKAAT																																		
7.SOLAT SUNAT DHUHA	4 RAKAAT	15.SOLAT WITIR	3 RAKAAT																																		
8.SOLAT SUNAT RAWATIB	16 RAKAAT	JUMLAH PURATA	70 RAKAAT																																		

GAMBAR	APA?	SIAPA ?	BILA ?	DI MANA ?	BERAPA ORANG ?
 	ZIKIR TOYYIBAH Zikir diamalkan setiap kali selepas solat fardhu. Zikir yang diamalkan adalah لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ terdapat 2 bentuk zikir yang diamalkan iaitu : 1. Zikir jahar (lisan) – mengucapkan "laa ilaaha ilallah". 100 kali atau lebih 2. Zikir khofi (hati/qolbu) - mengingati Allah di dalam hati.  "TuhanKu, Engkaulah yang aku maksud dan keredhaanMu yang aku cari. Berikanlah kepadaku kecintaan dan ma'rifat kepadaMu"	Semua Klien Muslim	Selepas Selesai Solat Fardhu	Masjid Saidina Umar Al-Khattab, CCRC Sungai Ruan	150 orang klien (Bergantung kepada muster semasa)
	ZIKIR & DOA PILIHAN Wirid yang dibaca selepas solat yang terdiri daripada integrasi zikir, salawat dan doa-doa yang diamalkan oleh Rasulullah S.A.W dan para sahabat	Semua Klien Muslim	Selepas selesai solat fardhu	Masjid Saidina Umar Al-Khattab, Sg. Ruan	150 orang klien (Bergantung kepada muster semasa)
	SIRAH DAN ILMU Perhimpunan bulanan bagi menyampaikan amanat guru kepada klien dan bacaan kisah riwayat Rasulullah, para sahabat dan para salafussoleh.	Semua Klien Muslim	Setiap Bulan mengikut jadual yang ditetapkan	Masjid Saidina Umar Al-Khattab, Sg. Ruan	150 orang klien (Bergantung kepada muster semasa)
	TADARUS AL-QURAN Tadarus al-quran adalah Membaca al-Quran secara berkumpulan (saling membaca dan menyemak bacaan al-Quran) Talaqqi adalah sahabat duduk di hadapan ustaz untuk memperdengarkan bacaan al-Quran secara langsung secara bersemuka.	Semua Klien Muslim	Setiap hari mengikut jadual yang ditetapkan	Masjid Saidina Umar Al-Khattab, Sg. Ruan	150 orang klien (Bergantung kepada muster semasa)
	PUASA SUNAT Selain daripada amalan puasa di bulan Ramadhan, klien digalakkan untuk berpuasa sunat pada hari Selasa dan Khamis dan hari-hari yang disunatkan untuk berpuasa bagi menguatkan dalaman mereka.	Semua Klien Muslim	Setiap Hari Isnin dan Selasa dan hari-hari yang disunatkan	Masjid Saidina Umar Al-Khattab, Sg. Ruan	150 orang klien (Bergantung kepada muster semasa)

Kumpulan telah membuat Ujicuba **"Testing"** kepada klien selepas pelaksanaan program dijalankan.



Ujian Penilaian Asas Pengetahuan Agama Islam sedang dijalankan



Ujian Penilaian kefahaman klien (UPKK) sedang dijalankan



Responden terdiri daripada kakitangan dan klien sedang mengisi borang kepuasan pelanggan



Jadual Aktiviti Klien Isra	Masa		Aktiviti		Masa		Aktiviti	
	4.30 Pagi	Bangun Pagi	Terapi Mandi		1.00 Petang	Solat Sunat Zohor Zikir Toyyibah Kelompok Halaqah	Solat Zuhur Solat Sunat Ba'diyah	
	5.00 Pagi	Zikir Taubat Solat Witir	Solat Sunat Tahajjud Zikir		2.00 Petang	Rehat		
	6.00 Pagi	Solat Sunat Subuh Zikir & Halaqah	Solat Subuh Yassin / HAQ		3.00 Petang	Roll Call (pertukaran Syif)		
	7.00 Pagi	Solat Sunat Israq Solat Sunat Istikharah	Solat Sunat Istiadah		3.10 Petang	Kuliah Agama (fardhu ain) Job Function	Kelas Psiko Pendidikan Bimbingan & Kaunseling	
	7.30 Pagi	Minum Pagi	Pra Mesyuarat Pagi		4.00 Petang	Solat Sunat Asar Zikir dan Doa Pilihan	Solat Asar	
	8.00 Pagi	Muster Perdana			5.00 Petang	Sukan Dan Riadah		
	8.30 Pagi	Solat Sunat Dhuha			6.00 Petang	Muster Petang	Makan Malam	
	9.30 Pagi	Mesyuarat Pagi			7.00 Malam	Solat Maghrib Zikir & Doa Pilihan Ceramah Agama	Zikir Toyyibah Ba'diyah Maghrib	
	10.00 Pagi	Minum Pagi			8.30 Malam	Solat Sunat Isyak Zikir Toyyibah Solat Sunat Taubat	Solat Isyak Ba'diyah Isyak Solat Sunat Hajat	
	10.30 Pagi	Latihan Kawad (Asrama&posisi) Kelas Fardhu Ain (Isnin, Selasa, Khamis & Jumaat) Kelas Psiko Pendidikan Bimbingan & Kaunseling Lawatan Keluarga (Selasa&khamis)			9.30 Malam	Rehat		
	12.00T/hari	Muster Tengahari	Makan Tengahari		11.00 Malam	Roll Call & Tidur		

c. Perakuan daripada Pihak Bertauliah

Pengurusan Atasan



Model Isra dibangunkan berdasarkan keperluan Teras Rawatan dan Pemulihan AADK serta Perundangan supaya selaras dengan Misi dan Visi AADK. Pelaksanaan projek ini telah mendapat perakuan daripada Cawangan Agama AADK Ibupejabat.

Pihak Bertauliah



Amalan Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah (TQN) yang diambil daripada Pondok Inabah Kuala Nerang kedah diakui tiada unsur-unsur yang meragukan dan tidak bercanggah dengan syariat Islam sebenar. Model ini telah mendapat perakuan daripada Majlis Ugama Islam Negeri Pahang (MUIP)

d. Pelaksanaan Inovasi

Manfaat Pelaksanaan Program Psikospiritual

	Terapi Mandi	Terapi Solat	Terapi Zikir	Tadarus Al-Quran	Puasa
Sudut Agama	Mengurangkan tekanan dan sentiasa tenang	Sebagai tanda pengabdian hamba dengan Allah s.w.t.	Rahsia dan penghubung secara langsung antara hamba dengan Tuhannya	Mendapat ketenteraman, dilimpahi rahmat, dikelilingi oleh para malaikat dan Allah menyebut nama mereka di hadapan malaikat-malaikat yang berada di sisiNya	Melatih diri supaya menahan nafsu
Sudut Saintifik	Meningkatkan sel darah putih yang berfungsi sebagai daya tahan penyakit	Menguatkan Sistem jantung dan kardiovaskular, gelombang otak serta kekuatan otot-otot tubuh badan manusia	Menyebabkan sentuhan pda 'magic spot' di bgh langit akan mengaktifkan pengeluaran neurotransmitter dan neuromodulasi memberi manfaat kepada kesihatan	Molekul air membentuk perubahan dengan bunyi dan membawa kesan Al-Quran kepada sel dalam badan yang menyebabkan penyembuhan.	Organ-organ dapat berehat dan membantu badan membuang segala kotoran serta toksin di samping menyegarkan sel-sel.



Perjumpaan dengan klien dan kakitangan tujuan pemantauan projek dan menyelesaikan isu-isu berkaitan agar berjalan lancar



Lawatan kerja dari CCRC Jeli, Benta, Karak, Kg.Selamat, Batu Kurau dan Tiang Dua bagi tujuan perkongsian Inovasi



Perbincangan untuk mewujudkan SOP dan Manual Pengguna bagi Model Isra



Proses mengajar kepada klien dan pelaksanaan model Isra antara cabaran utama dihadapi kumpulan.

Bahagian 4




**KEBERHASILAN
PROJEK**


4.1 Outcome Projek dan Pembuktian

a. Pencapaian Outcome dan Pembuktian

Setelah menjalani beberapa siri penambahbaikan program didapati kumpulan telah berjaya mencapai sasaran yang telah ditetapkan.



Masa	Perkara	Baik	Sederhana	Gagal
Selepas	Psikospiritual	58	24	14
	Psikososial	65	25	6
	Amali Psikospiritual	57	28	11
	Jumlah	180	77	31
	%	63%	27%	10%



Sasaran Pertama : Model Isra yang dilaksanakan telah menyelitkan banyak elemen keagamaan dan kerohanian didalam jadual aktiviti harian klien seperti solat sunat, zikir, dan Qiamulail. Ia boleh dirujuk didalam jadual aktiviti harian Klien Isra. Oleh itu, kumpulan telah berjaya mencapai sasaran iaitu 50% yang ditetapkan.

BIL	SOALAN	LEMAH (1-3)	SEDERHANA (4-7)	BAIK (8-10)	JUMLAH
1	Fatihah dan Syahadah	8	25	63	96
2	Islam, Iman dan Ehsan	23	19	54	96
3	Wudhuk	8	22	66	96
4	Mandi Wajib	13	25	58	96
5	Bacaan dalam solat	18	35	43	96
6	Doa Masnun	16	18	62	96
JUMLAH		86	144	246	576
PERATUSAN		14.93	25.00	60.07	100.00


Analisis Penilaian Asas Agama Islam Model Isra

Sasaran Kedua : Selepas pelaksanaan Model Isra dengan menekankan pengetahuan asas agama Islam mendapati pencapaian kefahaman pada tahap Baik telah meningkat kepada 60.07%. Oleh itu, kumpulan telah berjaya mencapai sasaran iaitu 60% yang ditetapkan.

Sasaran Ketiga : Hasil daripada Ujian Penilaian Kefahaman Klien (UPKK) yang dijalankan terhadap klien selepas menjalani program Isra didapati peratusan pencapaian (Baik) klien dalam UPKK meningkat kepada 63%. Oleh itu, kumpulan telah berjaya mencapai sasaran iaitu 60% yang ditetapkan.

Sasaran Keempat : Kajian kepuasan pelanggan yang dilaksanakan telah menunjukkan reaksi yang positif terhadap program rawatan dan pemulihan yang dilaksanakan. Berdasarkan borang soal selidik yang dijalankan mendapati kadar kepuasan pelanggan telah meningkat kepada 83%. Oleh itu, kumpulan telah berjaya mencapai sasaran iaitu 80% yang ditetapkan.

Perkara	Jatidiri	Agama	Kepulihan	Jumlah	Peratus%
Sangat Puas Hati	22	35	24	81	28
Puas Hati	66	50	43	159	55
Tidak Pasti	2	7	17	26	9
Tidak Puas Hati	5	2	10	17	6
Sangat Tidak Puas Hati	1	2	2	5	2



B. Faedah Sampingan (Luar Jangka)

Program yang dijalankan telah memberi banyak manfaat bukan sahaja kepada klien yang menjalani program malahan kepada masyarakat secara umumnya. Program Isra' juga bukan sahaja menjurus kepada pengukuhan keagamaan namun kesan disebalik program tersebut dapat dilihat daripada jatidiri klien dan juga keterlibatan pihak luar dalam pemulihan klien di CCRC Sungai Ruan.

- Perubahan Penampilan Diri, Pemakaian dan Pertuturan
- Dapat Mendalami Ilmu Agama dan Mengaji Al-Quran
- Menjalani kehidupan bercorak keislaman
- Membentuk jati diri kental dalam menghadapi persekitaran luar kelak.

PEMBANGUNAN
JATIDIRI KLIEN



- Memberi nafas baru kepada klien dan harapan kepada keluarga
- Sokongan masyarakat terhadap program Isra
- Keyakinan dan kepercayaan terhadap bekas penagih dadah meningkat.
- Meningkatkan "Community Empowerment" dalam membantu Penagih dadah

KETERLIBATAN
KELUARGA DAN
MASYARAKAT



- Lawatan kerja Timbalan Perdana Menteri iaitu Y.Bhg Dato Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi
- Lawatan Kerja Ketua Setiausaha KDN, Ybhg Dato' Seri Alwi bin Ibrahim
- Kajian dan rujukan daripada Universiti Tempatan
- Lawatan Badan NGO dan jabatan kerajaan
- Penyebaran program melalui media massa

SOKONGAN PIHAK
KERAJAAN DAN PIHAK
LUAR



- Motivasi Pegawai dan kakitangan meningkat
- Menguruskan klien Isra lebih mudah dan kurang menerima rungutan dan ancaman keselamatan
- Pegawai dan kakitangan turut mempelajari program Isra untuk meningkatkan ketakwaan kepada Allah.

MOTIVASI KAKITANGAN
MENINGKAT



Model Isra telah mendapat perhatian ke seluruh negara



Lawatan Kerja Timb. Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi ke CCRC Sungai Ruan sebagai tanda sokongan kerajaan terhadap Program Rawatan dan Pemulihan berasaskan Psikospiritual pada **Februari 2017**




Lawatan Kerja Y.Brs KSU KDN Dato' Seri Alwi bin Ibrahim ke CCRC Sungai Ruan bagi memantau perjalanan program Rawatan dan Pemulihan di CCRC Sungai Ruan pada **April 2018**



CCRC Sungai Ruan turut menjadi pusat kajian beberapa Universiti di Malaysia antaranya UPM, USIM dan UMP untuk mengkaji keberkesanan dan pelaksanaan Model Isra.

CCRC Sungai Ruan turut menerima undangan daripada Pahang FM dan Nasi Lemak Kopi O TV9 untuk diwawancara mengenai Program Rawatan dan Pemulihan menggunakan Model Isra pada **Disember 2017**




4.2 Impak Projek dan Pembuktian

a. Penilaian Impak & Pembuktian

Impak 1 : Kajian Saintifik Menggunakan Perisian EmWave



Kajian ini dijalankan oleh Prof. Dr.Nubli daripada UMP untuk menguji keberkesanan pendekatan kerohanian dalam rawatan pemulihan dadah melalui pembuktian secara saintifik dengan menggunakan alat Bio Feedback Emwave. Alat ini dapat menguji tahap perubahan emosi dan ketenangan klien dalam prosedur yang tertentu.




Masa ujian yang diambil adalah 3 ke 5 minit. Ujian dilakukan dua sesi iaitu pertama sesi base line dan kedua adalah dengan menyebut zikir LA ILAHAILLAH. Merujuk kepada gambar di atas kumpulan pra bebas ini menunjukkan perkembangan yang positif setelah mengamalkan zikir berkenaan.

Impak 2 :Kajiselidik Selepas Tamat Rawatan di CCRC Sg.Ruan

Satu kajian telah dilakukan ke atas klien yang bebas pada Tahun 2017 bagi mengetahui perkembangan klien selepas bebas. Kerjasama dengan AADK Daerah tempat pengawasan klien didapatkan untuk melengkapkan kajiselidik ini. Tahap kekal pulih klien Isra lebih panjang iaitu 67% **melepassi garis minimum** yang ditetapkan oleh pihak ibu pejabat iaitu 60%




Surat Memohon Maklumat Klien Selpas Bebas CCRC Sungai Ruan



Impak 3 : Pengurusan Risiko & Krisis

Sejak mengamalkan pendekatan kerohanian masalah disiplin klien berada dibawah paras minimum dan menunjukkan penurunan.



b. Faedah Sampingan (Luar Jangka)

Melalui maklumbalas yang dilakukan kepada klien selepas bebas, klien mula terlibat secara aktif dan memberi sumbangan di dalam komuniti mereka seterusnya membina kepercayaan masyarakat dan menyumbang kepada keharmonian negara.



Bahagian 5



POTENSI DENGEMBANGAN PROJEK

a. Tahap Ketersediaan Model Isra

Beberapa faktor perlu diambilkira sebelum dikembangkan antaranya, mendapatkan respon daripada semua pihak untuk memperbaiki model dari masa ke semasa, melancarkan SOP dan Manual Kerja, mendapatkan kerjasama dan pandangan daripada pihak ibupejabat dan sokongan daripada pihak pengurusan CCRC Sungai Ruan sebelum benar-benar bersedia untuk diperluaskan ke seluruh pusat pemulihan dadah di negara ini.



Mendapatkan respon Melalui Borang Aduan dan Cadangan daripada klien, kakitangan dan keluarga dari semasa ke semasa supaya penambahbaikan dapat dilakukan untuk memastikan program dilaksanakan dengan lancar.



Melancarkan Prosedur Operasi Standard (SOP) dan manual kerja Pelaksanaan Model Isra serta Membukukan Model Isra serta bahan bacaan berkaitan sebagai bahan rujukan dan bagi memastikan program yang dilaksanakan adalah seragam




Mengadakan kerjasama dengan Pihak Ibupejabat AADK khususnya Cawangan Agama bagi mendapatkan pandangan mengenai pengembangan Model Isra ke CCRC lain di negara ini.



Surat sokongan pengembangan projek telah dikeluarkan oleh Pengarah CCRC Sungai Ruan bagi menyokong Model Isra untuk dilaksanakan diseluruh pusat pemulihan dadah di seluruh negara.

b. Tahap Replikasi dan Pengkomersialan Model Isra

Beberapa buah CCRC telah menghantar kakitangan dan klien ke CCRC Sungai Ruan selama 2 minggu untuk mempelajari Model Isra ini. Buat masa ini, Model Isra dilaksanakan di 6 buah pusat pemulihan di bawah AADK dan dijangka akan dikembangkan lagi ke beberapa buah pusat pemulihan menjelang 2020 . Model Isra merupakan satu-satunya model seumpunya di Malaysia dan satu usaha telah digerakkan untuk mempatenkan model ini sebagai harta Intelek sebelum ia dapat dikomersialkan ke jabatan-jabatan lain yang berkaitan pemulihan dadah seperti Jabatan Penjara, Pusat Pemulihan Dadah Persendirian (PPDP), Jabatan Kebajikan Masyarakat, dan sebagainya.



Sesi pembelajaran TOT klien CCRC lain untuk dipraktikkan di CCRC asal mereka



Surat Penempatan klien TOT Model Isra ke CCRC Sungai Ruan



LAWATAN PEMANTAUAN KE PUSPEN KARAK



LAWATAN PEMANTAUAN KE PUSPEN BENTA

Persekitaran Pusat Lebih Islamik



LAMPIRAN